



ADAB DAN PERADABAN

Karya Pengiktirafan untuk
Syed Muhammad Naquib al-Attas

Sastera Malaysia terperangkap?

» Karya tanah air dianggap masih dibelenggu kerangka Barat sejak 1972

Oleh Nazmi Yaakub
nazmi@mediaprima.com.my

Adilakah untuk menghukum sastera Malaysia sebagai terperangkap dengan kerangka Barat hanya berdasarkan laporan panel hakim Anugerah Sastera Negara (ASN) dengan mengabaikan sejumlah besar karya dalam khazanah keperpustakaan tanah air?

Tanpa menafikan status ASN sebagai anugerah tertinggi negara yang membawa gelaran Sasterawan Negara (SN) tetapi penilaian yang terperangkap pada laporan panel semata-mata sudah tentu tidak wajar dijadikan landasan untuk melabelkan keseluruhan sastera Malaysia.

Apatah lagi laporan panel itu sendiri hanya menilai karya penerima yang sudah diterbitkan sedangkan pengkaryaan SN tidak berhenti dengan semata-mata menerima anugerah berkenaan, sebaliknya mereka terus menghasilkan karya termasuk dengan nuansa dan nada Islam yang semakin jelas.

Nilai kabur

Reaksi itulah yang bersarang pada pengarang sastera yang menghadiri Seminar dan Pelancaran Adab dan Peradaban Karya Pengiktirafan untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas di Kuala Lumpur, baru-baru ini, tetapi malangnya tidak dapat diluahkan ekoran kesuntukan masa.

Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Zariat Abdul Rani, mencerakinkan Syarahan Pengukuhan Prof Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 1972 untuk menyenaraikan dua ciri kesusasteraan moden.

"Ciri itu ialah nilai yang kabur dengan mengikut Barat, manakala ciri kedua ialah lebih menunjukkan kecenderungan untuk bereksperimen atau dalam bahasa Prof Naquib al-Attas, iaitu menguji sayap.

"Sekiranya kita melihat kepada laporan panel ASN yang menilai SN, iaitu Keris Mas, A Samad Said, Shahnon Ahmad, Muhammad Salleh dan Anwar Ridhwan, kita dapat membayangkan sastera Malaysia tidak bergerak daripada ciri itu sejak syarahan berkenaan,"

katanya pada sesi yang dipengerusikan Presiden Yayasan Iqra', Datuk Dr Ghazali Md Noor.

Masalahnya apabila Dr Mohd Zariat membuat kesimpulan itu berdasarkan laporan panel ASN yang dianggap mengekalkan terma dan istilah yang melambangkan pemikiran Barat dalam menilai karya sastera penerima.

Kelirukan khalayak

Hal itu boleh mengelirukan khalayak yang rata-ratanya tidak mendalami sastera Malaysia yang sebenarnya menerima pengaruh kuat Islamisasi sehingga melahirkan pengarang dari kalangan berpendidikan Islam atau memiliki kesedaran Islam yang tinggi.

Bagaimanapun disebabkan penilaian ASN tidak dibuat setiap tahun dan ada kalanya mengalami kekosongan lebih lima tahun, maka tokoh yang diberi keutamaan sangat sedikit berbanding bilangan sebenar pengarang khususnya dari generasi muda dan baru.

Pandangan yang tidak adil itu boleh menjauhkan khalayak peserta seminar yang rata-ratanya dari kalangan pensyarah dan pelajar dalam akidah dan falsafah Islam serta Barat daripada sastera Malaysia, sekali gus boleh mendorong mereka meninggalkan ruang besar dalam sastera yang sebenarnya mengalami proses Islamisasi yang semakin rancak.

Apatah lagi Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dr Awang Sariyan, sendiri tidak asing daripada pemikiran Islam kerana beliau selain pernah menerima didikan daripada Prof Naquib al-Attas, juga menguasai linguistik berlandaskan Islam.

Wasilah bina adab

Ini terbukti apabila Dr Awang mengupas Peranan Bahasa dalam Pemikiran al-Attas pada seminar itu dengan menyusur-galurkan bahasa dengan ketuhanan yang berkait rapat dengan proses akal, sekali gus menjadi wasilah dalam membina adab dan sahsiah manusia.

"Prof Naquib al-Attas mengaitkan bahasa sebagai unsur penting dalam mentakrifkan konsep manusia yang didefinisikan sebagai haiwan yang berfikir.

"Pengalaman budi dan makna diri insan yang ditandai dengan

dua ciri, iaitu akal dan bahasa atau kemampuan berbahasa, membezakan manusia dengan makhluk yang lain," katanya pada seminar yang turut dihadiri Pengarah Pusat Kajian Lanjutan mengenai Islam, Sains dan Tamadun (CASIS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Wan Mohd Nor Wan Daud dan Presiden Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA), Dr Mohamad Saleh Rahamad.

Dr Awang berkata, manusia sebelum dizahir atau disarungkan pada jasadnya, sudah pun diberikan potensi berbahasa seperti yang ditegaskan dalam ayat Alastu, iaitu ayat ke-172 Surah al-Araf.

Bahasa medan perkenal ilmu

Pada masa sama, beliau menegaskan bahasa juga menjadi medan yang memperkenalkan ilmu kepada manusia kerana wahyu itu ditampung oleh bahasa, iaitu bahasa Arab.

"Bahasa Melayu juga ialah bahasa Islam kerana ia menjadi bahasa yang dituturkan oleh penerut terbesar beragama Islam selepas bahasa Arab.

"Bahasa Melayu memiliki sejumlah konsep penting dalam agama yang menentukan keseluruhan bahasa seperti yang diberi perumpamaan oleh Prof Naquib al-Attas, sekali gus mengingatkan kami tentang mata hitam yang lebih kecil daripada mata putih sebenarnya lebih penting," katanya.

Dr Awang berkata, konsep penting dalam agama disamakan dengan mata hitam yang mempunyai peranan penting untuk melihat berbanding mata putih yang melambangkan perkataan dan istilah dalam kehidupan.

Pada seminar itu juga, buku *Adab dan Peradaban Karya Pengitirafan Untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas* dilancarkan oleh Timbalan Menteri Pelajaran, Dr Mohd Puad Zarkashi dan turut dihadiri anak Prof Naquib al-Attas, iaitu Datuk Dr Syed Ali Tawfik al-Attas.

Seminar itu turut menampilkan pembentangan oleh Pensyarah CASIS UTM, Prof Madya Dr Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dungun, Siti Nor Aisyah Ngadiran.



Dr Mohd Puad (tengah) **melihat kandungan buku *Adab Dan Peradaban*** Karya Pengitirafan untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas sambil diperhatikan Naib Canselor UTM, Zaini Ujang (kiri) dan Dr Syed Ali Tawfik al-Attas pada majlis perasmian seminar dan pelancaran buku di Hotel Renaissance, Jalan Ampang, baru-baru ini.

[NIK HARIFF HASSAN/BH]



“
Sekiranya kita melihat kepada laporan panel ASN yang menilai SN, iaitu Keris Mas, A Samad Said, Shahnnon Ahmad, Muhammad Salleh dan Anwar Ridhwan, kita dapat membayangkan sastera Malaysia tidak bergerak daripada ciri itu sejak syarahan berkenaan”

Prof Madya Dr Mohd Zariat Abdul Rani
Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM



“
Bahasa Melayu memiliki sejumlah konsep penting dalam agama yang menentukan keseluruhan bahasa seperti yang diberi perumpamaan oleh Prof Naquib al-Attas, sekali gus mengingatkan kami tentang mata hitam yang lebih kecil daripada mata putih sebenarnya lebih penting”

Dr Awang Sariyan
Ketua Pengarah DBP